

04/03/1998

Langkah pastikan graduan dapat kerja

KEMENTERIAN Pendidikan akan memantau lebih 30,000 graduan institusi pengajian tinggi (IPT) dari dalam dan luar negara tahun ini bagi memastikan mereka tidak menganggur dalam keadaan negara menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Menterinya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pihaknya akan mengadakan kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta untuk memastikan graduan terbabit memperoleh pekerjaan yang sesuai selepas tamat pengajian.

"Kerjasama yang akan dijalankan dijangka dapat menentukan nasib pelajar terbabit apabila tamat pengajian.

"Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Usahawan akan merangka satu bentuk skim latihan bagi membolehkan graduan terbabit menyertai bidang keusahawanan.

"Saya juga difahamkan bahawa kementerian berkenaan akan menyediakan Tabung Pembangunan Usahawan untuk pelajar terbabit," kata beliau selepas mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan di Limkokwing Institut (LICT), di Petaling Jaya, semalam.

Isnin lalu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed mengumumkan bahawa kerajaan sedang merangka satu skim latihan bagi membolehkan 30,000 graduan berdikari dengan menyertai bidang keusahawanan.

(END)